

TERMA DAN SYARAT AKAUN SME FIRST

Terma dan syarat

1. Bagi tujuan Terma dan Syarat Akaun SME First ini, Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad selepas ini secara kolektif akan dirujuk sebagai "Bank".

Kelayakan

2. Akaun SME First terbuka kepada pemegang akaun Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) baharu dan sedia ada yang terdiri daripada pemilik tunggal, perkongsian, golongan professional dan Syarikat Sendirian Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Pelanggan") yang memenuhi kriteria berikut:
 - a) Membuka Akaun Semasa ("CA") atau Akaun Pelaburan Mudarabah ("IA") baharu dengan deposit atau penempatan awal minimum sebanyak RM1,000.
 - b) Melanggan perkhidmatan Maybank2U Biz ("M2U Biz").

Faedah/Kelebihan di bawah Akaun SME First

3. Pelanggan yang layak akan berhak menikmati faedah-faedah berikut (selepas ini dirujuk "Faedah") setelah permohonan Akaun SME First diluluskan oleh Bank:
 - a) Diskaun sebanyak 20% bagi yuran Pemindahan Telegraf Asing ("FTT") untuk transaksi yang dibuat melalui M2U Biz/M2U sahaja.
 - b) Pengecualian yuran transaksi selama tiga (3) bulan pertama bagi perkhidmatan Kredit Automatik Maybank selepas langganan berjaya.
 - c) Pengecualian yuran sewa selama tiga (3) bulan pertama untuk Terminal Jualan (Point-of-Sales) Peniaga.

Terma dan Syarat Am

4. Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Akaun SME First sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, serta berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suaimana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari calendar notis terlebih dahulu, dan notis tersebut akan dipaparkan melalui laman web Maybank2U atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
5. Terma dan Syarat Akaun SME First ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mengawal Akaun Perbankan, Maybank2U Biz, Maybank2U, Kredit Automatik Maybank dan mana-mana terma dan syarat produk dan perkhidmatan Maybank lain yang mungkin digabungkan di bawah Akaun SME First.

6. Dengan mendaftar Akaun SME First, Pelanggan yang layak dengan ini secara jelas bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini termasuk sebarang pindaan yang dibuat ke atasnya.
7. Pelanggan juga bersetuju dan memberi kebenaran agar data peribadi milik mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada) rakan kongsi, pengarah, pekerja, wakil dan/atau mana-mana individu lain ("Individu") dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank selaras dengan Notis Privasi Kumpulan Maybank yang boleh dirujuk di laman web Maybank di www.maybank2u.com.my ("Notis Privasi"), dan sebelum memberikan data peribadi Individu kepada Bank, Pelanggan hendaklah memaklumkan Individu tersebut mengenai Notis Privasi.

Selain itu, tanpa menjejaskan Notis Privasi tersebut, Pelanggan juga bersetuju dan memberi kebenaran bahawa butiran termasuk tetapi tidak terhad kepada data atau maklumat peribadi dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank bagi tujuan Akaun SME First.

Pelanggan dengan ini menjamin bahawa mereka telah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan telah memperoleh kebenaran yang berkaitan daripada Individu berhubung dengan pemprosesan dan pendedahan data peribadi mereka.

Hubungi 1300 80 8668, kunjungi mana-mana cawangan Bank atau layari www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut, terma dan syarat.